


# *Garis Panduan*

## MENYAMBUT KELAHIRAN ANAK



Terbitan:



Jabatan Mufti Selangor  
Tingkat 7 & 8,  
Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,  
4000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-55143738 Fax : 03-55197584



جَابَاتُنْ مُفْتِي نَجَارِي سِلَانْجُور

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

# **ISI KANDUNGAN**

<b><u>TAJUK</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
<b>SEKAPUR SIRIH</b>	2
<b>PENDAHULUAN</b>	3
<b>BAB 1 : KEHAMILAN</b>	
<b>    1.1 AMALAN KETIKA HAMIL</b>	
1.1.1- Banyak Bertaubat dan Membaca Al-Qur'an.	5
1.1.2- Makan Makanan yang Baik, Suci dan Halal.	8
1.1.3- Menjaga Akhlak dan Sahsiah Diri.	8
<b>BAB 2 : KELAHIRAN CAHAYA MATA</b>	
<b>    2.1 MENYAMBUT KELAHIRAN BAYI</b>	
2.1.1 - Ketika Melahirkan Anak.	10
2.1.2 - Menyampaikan Khabar dan Ucapan Tahniah atas Kehadiran.	10
2.1.3 - Azan dan Iqamah.	10
2.1.4 - Tahnik.	11
2.1.5 - 'Ibadah 'Aqiqah.	13
2.1.6 - Memberi Nama Anak.	14
2.1.7 - Cukur Kepala Bayi.	16
2.1.8 - Khitan.	16
2.1.9 - Doa-Doa untuk Bayi.	17
<b>BAB 3 : FATWA-FATWA BERKAITAN ISU KELAHIRAN</b>	
3.1 - Bayi Tabung Uji.	20
3.2 - Gugur kandungan.	20
3.3 - Merawat Benih.	20
3.4 - Masalah Merancang Keluarga.	21
3.5 - Rawatan Penggantian Hormon.	21

## **SEKAPUR SIRIH**

Assalamamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah S.W.T serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang menjadi cermin keteladanan buat ummah sepanjang zaman, serta kepada seluruh keluarga baginda, para sahabat mereka yang sentiasa mengikut jejak Baginda hingga ke hari perhitungan.

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T di atas nikmat hidayah dan izinNya, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah berjaya menghasilkan Buku Garis Panduan Menyambut Kelahiran Anak.

Adalah diharapkan garis panduan ini akan dapat merungkai masalah dan membetulkan pemahaman masyarakat berkaitan panduan menyambut kelahiran anak menurut syarak. Garis panduan ini akan menyentuh berkaitan amalan-amalan yang digalakkan semasa fasa kehamilan, melahirkan dan pasca kelahiran selepas bayi dilahirkan. Di samping itu, panduan ini juga akan membincangkan mengenai beberapa amalan atau kepercayaan yang perlu dielakkan oleh masyarakat Islam kerana adanya perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah dan ibadah umat Islam.

Sekalung penghargaan dan tahniah saya kepada Ashabul Fadhilah Dato'-dato' serta ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah memperakukan garis panduan ini untuk diterbitkan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan syabas saya tujukan kepada para petugas dan urusetia yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses pembukuan ini. Semoga amal bakti dan keringat yang dicurahkan diterima sebagai amal soleh yang akan memberatkan neraca timbangan di akhirat kelak.

Akhir kata, semoga melalui penerbitan garis panduan ini dapat memberikan manfaat dan rujukan kepada masyarakat khususnya di Negeri Selangor dan Malaysia amnya.

Sekian, Wassalam.

**DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID  
SSIS.,DPMS., PPT.**

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

## **PENDAHULUAN**

Anak merupakan anugerah Allah S.W.T kepada manusia. Allah menciptakan apa-apa yang Dia Kehendaki dan memberikan kepada siapa saja yang Dia kehendaki.

Firman Allah S.W.T :

اللَّهُ مُلْكُ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ يَهْبِطُ لِمَنْ يَشَاءُ إِنَّهُ وَيَهْبِطُ لِمَنْ يَشَاءُ  
﴿٤٩﴾ أَوْ يُرَوِّجُهُمْ ذُكْرَانًا وَإِنَّا وَيَجْعَلُ مَنْ يَشَاءُ عَقِيمًا إِنَّهُ عَلِيمٌ قَدِيرٌ

Maksudnya :

*Bagi Allah jualah hak memiliki segala yang ada di langit dan di bumi, Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, Dia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Atau Dia mengurniakan mereka kedua-duanya, anak-anak lelaki dan perempuan, dan menjadikan sesiapa yang dikehendakiNya itu mandul. Sesungguhnya Dia maha mengetahui lagi maha berkuasa.*

Surah As-Syura : 49-50

Antara nikmat berkeluarga ialah menerima kurniaan cahaya mata daripada Allah S.W.T. Namun, nikmat ini tidak dapat dirasai oleh semua pasangan yang berkeluarga. Oleh yang demikian, bagi mereka yang dikurniakan cahaya mata perlu mensyukuri nikmat ini dengan cara yang telah digariskan oleh Islam.

Islam merupakan agama yang syumul meliputi segenap aspek kehidupan seorang manusia daripada kelahiran sehingga kematian. Islam telah menetapkan panduan kepada umatnya dalam menyambut kelahiran anak. Sesetengah masyarakat Islam di Malaysia masih lagi mengamalkan warisan budaya dan adat-adat yang bercanggah dan bertentangan dengan Islam. Sehubungan dengan itu, Jabatan Mufti Negeri Selangor mengambil pendekatan menyediakan garis panduan ini bertujuan memberi pencerahan dan panduan agar setiap amalan yang dilakukan tidak bertentangan dengan syarak.

**BAB : 1**

**KEHAMILAN**

## **BAB 1 : KEHAMILAN**

### **1.1 AMALAN KETIKA MENGANDUNG**

Wanita mengandung sangat digalakkan melakukan ibadah-ibadah sunat seperti membaca al-Qur'an, berzikir, bersedekah, berdoa dan lain-lain lagi. Semoga amalan-amalan ini dapat memberikan kesan yang baik terhadap pembesaran bayi dalam kandungan. Ia juga sebagai tanda bersyukur di atas nikmat kurniaan Allah S.W.T. Ia perlu diamalkan oleh isteri yang mengandung dan suaminya sebagai bapa kepada anak yang dikandung.

Di antara amalan-amalan yang digalakkan ialah:

#### **1.1.1 - Banyak bertaubat & Membaca Al-Qur'an.**

##### **i. Banyak bertaubat.**

Memperbanyak bertaubat kepada Allah S.W.T atas segala dosa dan kesalahan yang telah dilakukan, serta berusaha memperbaiki diri agar zuriat yang akan dilahirkan nanti menjadi insan yang bertaqwa.

##### **ii. Banyak membaca Al-Qur'an.**

Mana-mana surah boleh dibaca, walaubagaimanapun berikut adalah surah-surah yang dicadangkan untuk diamal.

- Membaca Surah al-Fatiyah.
- Membaca Surah al-Baqarah ayat 255.
- Membaca Surah al-A'raf ayat 189.
- Membaca Surah al-Taubah.
- Membaca Surah Yusuf.
- Membaca Surah al-Nahl ayat 78.
- Membaca Surah Maryam.
- Membaca Surah Luqman.
- Membaca Surah Yāsin.

iii. Banyak berdoá kepada Allah S.W.T.

- Doá agar anak dalam kandungan dipelihara. Contohnya seperti:

“Ya Allah peliharalah anakku selama ia berada di dalam perutku, dan sihatkanlah ia, Engkaulah yang menyembuhkan, tidak ada penyembuhan selain penyembuhanMu, penyembuhan yang tidak meninggalkan penyakit. Ya Allah rupakanlah atau bentukkanlah dia yang ada di perutku dengan rupa yang baik, dan tetapkanlah ke dalam hatinya iman kepada Engkau dan kepada Rasul-Mu.

Ya Allah, keluarkanlah dia dari perutku dengan mudah dan selamat. Ya Allah jadikanlah dia sihat yang sempurna berakal dan pandai, alim dan beramal. Ya Allah panjangkanlah umurnya, sihatkanlah badannya, dan baikkanlah akhlaknya, fasihkanlah lisannya, baguskanlah suaranya untuk membaca al-Qur'an dan hadis dengan berkat Nabi Muhammad S.A.W, dan segala puji bagi Allah Tuhan semesta álam.

\*\*Ucapkanlah Doá ini terutama selepas membacakan surah Yusuf, Luqman dan Maryam.

- Doá Saiyyidul Istighfar (untuk pengampunan).

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ  
وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ . أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ  
عَلَيَّ . وَأَبُوءُ بِذَنْبِي فَاغْفِرْيِي . إِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ

“Ya Allah, Engkaulah Tuhan, tiada Tuhan yang sebenarnya melainkan Engkau, Engkau telah menciptakan aku, dan aku hamba Mu dan aku di atas tanggungan Engkau dan perjanjian Engkau, aku tidak berkuasa, aku berlindung kepada Engkau daripada kejahanan yang aku kerjakan, aku mengakui atas kurniaMu terhadapku, aku mengaku berdosa, maka ampunilah aku, sesungguhnya tidak ada yang mengampuni dosa-dosa kecuali Engkau”.

- Doá memohon rahmat.

رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ  
الْوَهَّابُ ﴿٨﴾ رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا  
يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٩﴾

*“Wahai tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah tuhan yang melimpah-limpah pemberianNya. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkaulah yang akan menghimpunkan sekalian manusia, untuk (menerima balasan pada ) suatu hari (hari kiamat) yang tidak ada syak padanya”. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janjiNya.*

(Surah Āli-Imran:8-9).

- Doá mendapat zuriat yang soleh.

رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ ﴿٣٨﴾

*“Ya Tuhanku! kurniakanlah kepadaku dari sisiMu zuriat keturunan yang baik; Sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar (menerima) doa permohonan”.*

(Surah Āli-Imran:38)

#### iv. Banyak Melakukan 'Amalan Sunat.

Sebagai tambahan kepada amalan-amalan fardhu, digalakan juga untuk melakukan 'ibadah-'ibadah sunat yang lain antaranya sembahyang, puasa, zikir dan bersedekah.

1.1.2 - Makan Makanan Yang Baik, Suci Dan Halal.

Ibu hamil hendaklah mengambil makanan yang baik, suci dan halal kerana makanan itu akan menjadi darah daging bayi. Jika mengidam sesuatu jenis makanan, elakkan mengambil makanan yang haram, syubhah dan memudharatkan.

1.1.3 - Menjaga Akhlak Dan Sahsiah Diri.

Akhlak ibu hamil sangat mempengaruhi perlakuan anak yang bakal lahir. Oleh itu, hendaklah menjaga hubungan baik kepada semua makhluk lebih-lebih lagi hubungan antara kaum keluarga terdekat. Sentiasa tenang supaya mendapat anak yang berakhlak mulia. Banyakkan bersabar dan mengharapkan bantuan Allah apabila menghadapi masalah. Bina kekuatan minda dengan membaca bahan bacaan yang bermanfaat untuk merangsang otak bayi. Kekuatan jiwa ibu amat mempengaruhi bayi di dalam kandungan.

**BAB 2 :**

**KELAHIRAN**

**CAHAYA MATA**

## **BAB 2 : KELAHIRAN CAHAYA MATA**

### **2.1 MENYAMBUT KELAHIRAN BAYI**

Antara keistimewaan syariat Islam ialah menjelaskan segala hukum yang bersangkutan dengan anak yang baru lahir. Adapun amalan-amalan kebiasaan masyarakat Melayu sebelum tibanya hari kelahiran anak tidaklah di jelaskan oleh al-Qur'an dan as-Sunnah. Berikut adalah perkara-perkara yang di tuntut untuk dilaksanakan oleh ibu bapa semasa menyambut kelahiran :

#### **2.1.1. Ketika Melahirkan Anak.**

Digalakkan kepada isteri dan suami memperbanyakkan zikir dan berselawat serta berdoá.

#### **2.1.2. Melahirkan rasa gembira dan ucapan tahniah.**

Sebagai tanda kesyukuran, ibu bapa yang baru mendapat cahaya mata digalakkan segera menyampaikan berita baik tersebut, kepada saudara mara dan sahabat handai bagi mengeratkan silaturrahim dan mahabbah.

Sebagai seorang muslim, kita digalakkan mengucapkan tahniah, serta mendoakan kepada ibu bapa dan anak yang baru dilahirkan sama ada lelaki atau perempuan, supaya dilimpahi rahmat dan kebaikan yang berpanjangan.

#### **2.1.3. Azan dan Iqamah.**

Sebaik bayi dilahirkan, sunat azan di telinga kanan dan iqamah di telinga kiri.

Daripada Hussin bin Ali r.a , Rasulullah s.a.w bersabda :

مَنْ وُلِدَ لَهُ مَوْلُودٌ فَأَدْنَى فِي أُذُنِهِ الْيُمْنَى وَ أَقَامَ فِي الْيُسْرَى لَمْ تَضُرْهُ أُمُّ الصِّبْيَانِ

“Sesiapa yang dikurniakan cahaya mata dan dia azan pada telinga kanannya dan iqamah pada telinga kirinya, nescaya dia tidak akan mendapat apa-apa mudharat dari Ummu al-Sibyan”.

( Riwayat Al-Baihaqi)

#### 2.1.4. Tahnik.

Tahnik ialah mengunyah buah tamar dan mengambil sedikit dengan hujung jari, kemudian digosokkan ke lelangit bayi. Jika tiada buah tamar, boleh digantikan dengan madu atau apa-apa yang manis bagi menguatkan urat-urat mulut sebagai persediaan bayi menghisap susu ibunya. Bagi mendapat keberkatan, orang yang salih dan bertaqwa diutamakan untuk melakukan tahnik.

Antara hadith yang dijadikan dalil sandaran ialah :

أَبْيَ مُوسَى رضيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ وُلِدَ لِي غُلَامٌ، فَأَتَيْتُ بِهِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمَّاهُ إِبْرَاهِيمَ، فَحَنَّكَهُ بِتَمْرَةٍ، وَدَعَاهُ بِالْبَرَكَةِ، وَدَفَعَهُ إِلَيَّ، ...

*Abu Musa r.a berkata, “Saya telah mendapat seorang anak lelaki, kemudian saya membawanya kepada Rasulullah S.A.W . Baginda menamakannya Ibrahim, dan melakukan tahnik dengan sebiji kurma. Baginda juga telah mendoákannya semoga diberkati Allah. Selepas itu barulah baginda berikan balik kepada saya.*

(Riwayat al-Bukhari)

### Doá Tahnik

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةً وَيُكَافِئُ مَزِيدَةً ، يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي  
لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ .

سُبْحَانَكَ لَا تُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ ، اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ حَتَّى تَرْضَى  
وَلَكَ الْحَمْدُ إِذَا رَضَيْتَ وَلَكَ الْحَمْدُ بَعْدَ الرَّضْيَ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْأَوَّلَيْنَ ، وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي  
الآخِرَيْنَ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ

### Anak Lelaki :

اللَّهُمَّ أَنْشِأْهُ شَأْنًا صَالِحًا ، وَأَحْيِهِ حَيَاةً طَيِّبَةً ، وَأَسْعِدْهُ سَعَادَةً حُسْنَى ، وَاجْعَلْهُ بَارِزًا بِوَالِدِيهِ  
غَيْرَ عَاقِ لَهُما ، وَاجْعَلْهُ مِنَ الصَّالِحِينَ الْعَارِفِينَ الْعَامِلِينَ ، وَأَكْفِهِ شَرَ النَّظَرَةِ وَالْعَيْنِ  
وَالْحَاسِدِينَ ، وَأَعِذْهُ مِنْ شَرِّ حَلْقَكَ أَجْمَعِينَ ، وَلَا تُوَجِّهْهُ إِلَّا لِوَجْهِكَ الْكَرِيمِ ، وَاغْفِرْ  
لِوَالِدِيهِ وَالْحَاضِرِينَ أَجْمَعِينَ .

### Anak Perempuan :

اللَّهُمَّ أَنْسِئْهَا نَشَأْ شَأْنًا صَالِحًا ، وَأَحْيِهَا حَيَاةً طَيِّبَةً ، وَأَسْعِدْهَا سَعَادَةً حُسْنَى ، وَاجْعَلْهَا بَارَّةً  
بِوَالِدِيهَا غَيْرَ عَاقِ لَهُما ، وَاجْعَلْهَا مِنَ الصَّالِحِاتِ الْعَارِفَاتِ الْعَامِلَاتِ ، وَأَكْفِهَا شَرَ النَّظَرَةِ  
وَالْعَيْنِ وَالْحَاسِدِينَ ، وَأَعِذْهَا مِنْ شَرِّ حَلْقَكَ أَجْمَعِينَ ، وَلَا تُوَجِّهْهَا إِلَّا لِوَجْهِكَ الْكَرِيمِ ،  
وَاغْفِرْ لِوَالِدِيهَا وَالْحَاضِرِينَ أَجْمَعِينَ .

### 2.1.5. 'Ibadah 'Aqiqah

'Aqiqah ialah menyembelih haiwan ternakan yang dilakukan kerana menyambut bayi yang baru dilahirkan sebagai tanda kesyukuran. Haiwan ternakan yang boleh dijadikan aqiqah adalah seperti kambing, unta, lembu dan kibas. 'Ibadah 'aqiqah disunatkan ke atas wali yang wajib memberi nafkah kepada kanak-kanak tersebut.

#### i. Masa Melakukan 'Aqiqah

Masa yang afshal ialah pada hari ke tujuh selepas kelahiran dan selewat-lewatnya sehingga sebelum kanak-kanak itu baligh. Tuntutan melakukan 'aqiqah gugur daripada ibu bapa atau wali selepas usia baligh. Seseorang yang belum di 'aqiqahkan selepas umur baligh, ia boleh melakukan 'aqiqah untuk dirinya sendiri.

Daripada Samurah bin Jundub, Rasulullah s.a.w bersabda :

*"Setiap anak terikat dengan 'aqiqahnya. Disembelih bagi pihaknya pada hari ketujuh kelahirannya dan dicukur kepalanya dan diberi nama (pada hari yang sama)".*

(Riwayat Ibnu Majah)

ii. Binatang Sembelihan 'Aqiqah

Jadual dibawah adalah jenis haiwan serta syarat sah haiwan sembelihan untuk 'ibadah 'aqiqah.

BIL.	BINATANG	UMUR**	SIFAT HAIWAN SEMBELIHAN	KIRAAN BAHAGIAN
1.	Kambing	2 tahun masuk ke 3 tahun	• Sihat • Tidak cacat	1 ekor (Bagi lelaki afdhal 2 ekor)
2.	Lembu / Kerbau	2 tahun masuk ke 3 tahun		1 / 7 bahgian (bagi lelaki afdhal 2/7)
3.	Kibas (biri-biri)	1 tahun atau telah bersalin dua gigi hadapan walalupun tidak cukup setahun dengan syarat bersalin gigi ini setelah umurnya 6 bulan.		1 ekor (Bagi lelaki afdhal 2 ekor)
4.	Unta	5 tahun masuk ke 6 tahun		1 / 7 bahgian (bagi lelaki afdhal 2/7)

\*\*Umur haiwan sembelihan adalah mengikut tahun hijrah

iii. Pengagihan Daging

- Daging 'aqiqah sunat dimasak manis sebelum di sedekahkan atau dijamu makan.
- Sunat menghantar daging yang telah di masak kepada fakir miskin.
- Sunat untuk tidak mematahkan tulang.

2.1.6 Memberi Nama Anak

Menamakan anak yang baru lahir, dan hukum-hukumnya.

Daripada Abu Darda' r.a katanya : Rasulullah s.a.w. bersabda :

*"Kamu sekalian di Hari Kiamat akan dipanggil dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu, maka hendaklah kamu memperelokkan nama-nama kamu."*

(Riwayat al-Bukhari)

Menamakan anak dengan nama yang baik merupakan tanggungjawab ibu bapa atau wali dan ia menjadi suatu 'ibadah. Sunat memberi nama pada hari ketujuh.

Daripada Samurah bin Jundub, Rasulullah s.a.w bersabda :

*"Setiap anak terikat dengan 'aqiqahnya. Disembelih bagi pihaknya pada hari ketujuh kelahirannya dan dicukur kepalanya dan diberi nama (pada hari yang sama)".*

(Riwayat Ibnu Majah)

ANTARA NAMA YANG DI GALAKKAN SEBAGAI CONTOH			
Nama- Nama Nabi	Nama-Nama Sahabat	Nama-Nama Asma'ul Husna	Nama-Nama Isteri & Anak Nabi
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muhammad</li> <li>• Ibrahim</li> <li>• Musa</li> <li>• Isa</li> <li>• Adam</li> <li>• Ismail</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Abu Bakar</li> <li>• 'Umar</li> <li>• 'Uthman</li> <li>• 'Ali</li> <li>• Talhah</li> <li>• Khalid</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Abdullah</li> <li>• Abdul Rahman</li> <li>• Abdul Rauf</li> <li>• Abdul Aziz</li> <li>• Abdul Malik</li> <li>• Abdul Latif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Khadijah</li> <li>• 'Aishah</li> <li>• Hafsa</li> <li>• Fatimah</li> <li>• Zainab</li> <li>• Ruqayyah</li> </ul>

ANTARA NAMA YANG DI LARANG SEBAGAI CONTOH			
Nama Yang Buruk	Nama-Nama Yang Khusus kepada Allah	Nama-Nama Yang Tidak Membawa Faedah	Nama-Nama Selain daripada Allah di kaitkan dengan Abdul (Hamba)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wati (وطى) (Bersetubuh)</li> <li>• Zaniah (زانية) (Penzina)</li> <li>• 'Asiah (عاصية) (Ahli Maksiat)</li> <li>• Khusrin (خسرين) (Rugi)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahad (أحد)</li> <li>• Jabbar (جبار)</li> <li>• Somad (صمد)</li> <li>• Rahman (رحمان)</li> <li>• Muhammin (مهمن)</li> <li>• Hadi (هادي)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hazin (حزن)</li> <li>• Salbiah (سلبيّة)</li> <li>• Batrishah (بطريشًا)</li> <li>• Zalilah (زليلة)</li> <li>• A'la (أعلى)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Abdul Alam</li> <li>• Abdul A'lim</li> <li>• Abdul Jalali Wal Ikram</li> <li>• Abdul A'la</li> <li>• Abdul Din</li> </ul>

### **2.1.7 Cukur Kepala Bayi**

Daripada Samurah bin Jundub, Rasulullah s.a.w bersabda :

*"Setiap anak terikat dengan 'aqiqahnya. Disembelih bagi pihaknya pada hari ketujuh kelahirannya dan dicukur kepalanya dan diberi nama (pada hari yang sama)".*

(Riwayat Ibnu Majah)

Mencukur kepala bayi yang baru lahir sunat dilakukan pada hari ketujuh kelahiran. Rambut yang telah dicukur ditimbang dan dinilai timbangan tersebut dengan harga emas atau perak semasa dan disedekahkan kepada fakir miskin.

Makruh mencukur sebahagian kepala bayi dan meninggalkan sebahagian yang lain berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar (r.a) :

أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَا عَنِ الْقَزْعِ

*"Rasulullah SAW melarang melakukan qaza"* (iaitu mencukur sebahagian kepala sahaja)

(Riwayat Bukhari)

### **2.1.8 Khitan/Khatan.**

Khatan dalam bahasa Arab bererti memotong *qulfah*, yakni kulit yang menutupi kepala zakar. Dalam istilah shara' kulit yang mengelilingi di bawah *hashafah* ya'ni tempat potongan daripada zakar. Hukum berkhitan adalah wajib bagi lelaki.

Daripada Abu Hurairah r.a telah bersabda Rasulullah s.a.w. :

الْفِطْرَةُ حَمْسٌ أَوْ حَمْسُ مِنْ الْفِطْرَةِ: الْخِتَانُ وَالاِسْتِحْدَادُ وَتَقْلِيمُ الْأَطْفَارِ وَتَنْفُ

الْإِبْطِ وَقَصُ الشَّارِبِ

*“Fitrah bagi manusia itu lima : berkhitan dan mencukur bulu kemaluan dan memotong kuku dan mencabut bulu ketiak dan menggunting misai”.*

( Riwayat Muslim)

Antara hikmah berkhitan adalah bagi menyempurnakan tuntutan fitrah dan melambangkan syi‘ar Islam disamping menjamin kesihatan serta kesucian diri.

### 2.1.9 Doá-Doá Untuk Bayi

#### 1. Doá Nabi Muhammad s.a.w untuk cucunya :

أُعِيدُك بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ

Maksudnya:

*“Aku memohon perlindungan bagi kamu berdua dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada syaitan, binatang yang berbisa dan bencana ain (pandangan mata yang menimpakan penyakit) ”.*

#### 2. Surah Āli-‘Imran ayat 38 :

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَا رَبَّهُ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً

﴿٣٨﴾ إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ

Bermaksud:

*Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhananya, Katanya: " Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku Dari sisiMu Zuriat keturunan yang baik; Sesungguhnya engkau sentiasa mendengar (menerima) doá permohonan".*

### 3. Surah Ibrahim ayat 40 :

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ دُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءَ ﴿٤٠﴾

Bermaksud:

"Wahai Tuhanku! Jadikanlah Daku Orang Yang Mendirikan Sembahyang Dan Demikianlah Juga Zuriat Keturunanku. Wahai Tuhan Kami, Perkenankanlah Doa Permohonanku.

### 4. Surah al-Anbiya' ayat 89

وَرَكِيًّا إِذْ نَادَى رَبُّهُ رَبِّ لَا تَدْرِنِي فَرْدًا وَأَنْتَ حَيْرُ الْوَارِثِينَ ﴿٨٩﴾

Bermaksud:

"Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Zakaria, ketika ia merayu kepada Tuhananya dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau Biarkan daku seorang diri (dengan tidak meninggalkan zuriat); dan engkaulah jua sebaik-baik yang mewarisi".

### 5. Al-Furqan ayat 74

وَالَّذِينَ يَفْوُلُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ

﴿٧٤﴾ إِمَامًا

Bermaksud:

"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan Kami, berilah kami Beroleh dari isteri-isteri Dan Zuriat Keturunan Kami: Perkara-Perkara Yang Menyukakan Hati Melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa".

**BAB 3 :**  
**ISU-ISU**  
**BERKAITAN**  
**KELAHIRAN**

## **BAB 3 : ISU-ISU BERKAITAN KELAHIRAN**

### **ISU-ISU PERUBATAN YANG TELAH DI FATWA**

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 3/2000 yang bersidang pada 13hb September 2000 membuat keputusan seperti berikut:-

#### **3.1. BAYI TABUNG UJI.**

Benih suami isteri HARUS dikandungkan oleh isteri sendiri sekiranya suami masih hidup. Benih suami isteri HARAM dikandung oleh wanita lain Benih suami isteri yang telah ditabung ujikan HARAM dimasukkan ke dalam rahim isteri sekiranya suami telah meninggal dunia terlebih dahulu kerana perbuatan ini boleh membawa kepada fitnah. HARUS menghapuskan telur-telur yang telah disenyawakan di dalam tabung uji dengan menyelamatkan satu telur sahaja, untuk dikandungkan kerana telur-telur tersebut masih belum bernyawa.

#### **3.2. GUGUR KANDUNGAN.**

Anak yang dikandung yang berkemungkinan cacat HARUS digugurkan atas nasihat doktor pakar. Sekiranya sudah bernyawa hukumnya HARAM digugurkan.

#### **3.3. MERAWAT BENIH.**

Benih yang telah dikenalpasti oleh doktor pakar sebagai cacat *down syndrom* HARUS dirawat oleh doktor supaya bila lahir menjadi anak yang normal. HARUS menghentikan kelahiran anak yang jika dilahirkan didapati cacat yang tidak boleh berfungsi sebagai manusia biasa. HARUS memakan ubat yang mengeluarkan banyak telur untuk kesuburan sekiranya tidak menjelaskan kesihatan.

### **3.4. MASALAH MERANCANG KELUARGA.**

HARUS memakan pil perancang keluarga sekiranya tidak menjelaskan kesihatan serta dipersetujui suami isteri. HARUS mengikat rahim sekiranya dalam keadaan darurat. HARAM memotong rahim kecuali dalam keadaan darurat atas nasihat doktor pakar. HARUS meletakkan IUD dalam rahim sekiranya dipersetujui suami isteri.

- ❖ Perempuan yang baru dirogol HARUS mendapatkan ubat pencegah hamil bagi menjaga maruah wanita tersebut.
- ❖ Bagi ibu yang mengandung yang didapati kandungannya itu boleh membahayakan kesihatan dirinya setelah mendapat pengesahan daripada doktor pakar, HARUS menggugurkan kandungannya bagi menyelamatkan si ibu.

### **3.5. RAWATAN PENGGANTIAN HORMON**

HARUS menerima rawatan penggantian hormon bagi wanita yang telah monopous untuk kesejahteraan keluarga.

- . HARAM melakukan mercy killing / pembunuhan belas kasihan kepada pesakit yang sedang koma.